

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : Y.B. DATUK SERI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB
[BERA]

SOALAN NO. 197

Y.B. DATUK SERI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB [BERA] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah jumlah hutang negara terkini dan dimanakah pinjaman dibuat serta jumlahnya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Secara keseluruhan, hutang dan liabiliti kerajaan adalah berjumlah RM1.1 trilion, atau sekitar **75% berbanding Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK)** pada akhir tahun 2018. Jumlah ini mengambil kira hutang langsung kerajaan, komitmen jaminan yang ditanggung dan dibiayai oleh Kerajaan, serta liabiliti lain termasuk bayaran pajakan kewangan (*finance lease*) dan hutang syarikat 1MDB. Kedudukan hutang dan liabiliti kerajaan untuk tahun 2018 telah turun sebanyak 4 mata peratusan daripada 79% pada tahun 2017.

Kedudukan hutang langsung Kerajaan Persekutuan yang dikawal selia di bawah akta-akta pinjaman iaitu Akta Pinjaman (Tempatan) 1959 [Akta 637], Akta Pendanaan Kerajaan 1983 [Akta 275], Akta Pinjaman Luar Negeri 1963 [Akta 403], dan Akta Bil Perbendaharaan (Tempatan) 1946 [Akta 188] adalah **sebanyak 51% KDNK** pada akhir-2018, iaitu kekal di bawah paras 55% daripada KDNK.

Komitmen jaminan yang ditanggung dan dibiayai Kerajaan adalah sebanyak **9% berbanding KDNK** bagi akhir tahun 2018. Ia terdiri daripada tanggungan hutang sebahagian syarikat berkaitan Kerajaan yang menerima Jaminan Kerajaan bagi melaksanakan projek infrastruktur pengangkutan awam dan utiliti. Bayaran pajakan kewangan dan liabiliti lain seperti 1MDB pula adalah sebanyak **15% berbanding KDNK** pada akhir 2018.

Dari segi hutang langsung kerajaan, Akta Pinjaman Luar Negeri 1963 menetapkan bahawa siling pinjaman luar negeri tidak melebihi RM35 bilion. Sehingga akhir Jun 2019, jumlah hutang luar negeri terkumpul adalah RM29.2 bilion atau 3.7% daripada jumlah hutang Kerajaan Persekutuan merangkumi hutang dalam mata wang Dolar AS (RM16 bilion), Yen (RM13.1 bilion), Dinar Islamik (RM200 juta), Euro (RM1.6 juta) dan Dolar Kanada (RM2.5 juta).